

Syabu RM15.3 juta dirampas

Syabu RM15.3 juta dirampas

Enam individu ditahan dalam empat serbuan

SYAJARATULHUDA
MOHAMAD ROSLI

GEORGETOWN

Sepasang suami isteri antara enam yang ditahan bersama 306 kilogram (kg) syabu dalam empat serbuan oleh sepasukan polis dari jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman, Pulau Pinang dan Kedah, Jumaat lalu.

Pengarah JSJN Bukit Aman, Datuk Seri Mohamad Salleh berkata, wanita berusia 30 tahun itu ditahan di sebuah rumah di Kuala Nerang, Kedah.

Menurutnya, tangkapan wanita itu dibuat susulan daripada tangkapan dua lelaki

di Jelutong, di sini.

"Dalam operasi di antara jam 2 petang hingga 9 malam ini, terdapat empat serbuan. Yang pertama, dua lelaki berusia 28 dan 37 tahun ditahan di Jelutong. Tiada rampasan dibuat dan ujian saringan dadah juga negatif. Hasil semakan, salah seorang daripada mereka mempunyai rekod lampau melibatkan jenayah dan dadah.

"Susulan daripada tangkapan itu, kita menahan tiga lelaki lagi di Kuala Nerang, Kedah berusia lingkungan 19 hingga 30 tahun. Tiada rampasan dadah dan ketiganya tiada rekod jenayah. Bagaimanapun, ujian saringan dadah mendapati ketiga-tiga suspek positif dadah," katanya kepada media semalam.

Tambahnya, hasil siasatan, polis menahan isteri kepada salah seorang suspek di Kuala Nerang, Kedah pada hari sama.

"Wanita berusia 30 tahun itu ditahan selepas suaminya



Mohamad (tiga, kanan) menunjukkan 295 bungkus syabu yang dibungkus dengan pambalut teh Cina jenama Guan Yin Wang dalam sidang media semalam.

berusia lingkungan 30-an ditahan di Jelutong. Dia tidak mempunyai rekod jenayah dan ujian saringan dadahnya juga negatif. Susulan tangkapannya keenam-enam suspek, polis memeriksa sebuah kereta di tempat letak kenderaan di Flat Taman Pelangi Indah.

"Pemeriksaan mendapati, terdapat 15 guni ber-

warna putih dalam kereta tersebut. Kesemua guni itu mengandungi 295 bungkus kecil teh Cina dan di dalamnya mengandungi ketulan kristal dipercayai syabu. Dianggarkan setiap bungkus kecil itu mengandungi 1kg syabu namun ada bungkus mengandungi lebih dari 1kg," katanya.

Mohamad berkata, berat

keseluruhan dadah yang dirampas adalah 306kg bernilai RM15.3 juta.

"Ikut barga pasaran, syabu bagi 1kg adalah RM50,000. Jika kesemua dadah ini dijual, ia mampu menampung bekalan untuk 1.5 juta penagih dadah. Polis turut menyita sebuah Proton Waja, wang tunai pelbagai jenis mata wang dan seutas jam

info

Polis temui 295 bungkus teh Cina dalam 15 guni yang mengandungi syabu

tangan jenama Rado.

"Nilai keseluruhan sitaan adalah RM16,000. Dadah ini dipercayai untuk pasaran tempatan dan negara jiran. Kita percaya, sindiket ini peroleh bekalan dadah dari negara jiran yang diseludup masuk menggunakan kenderaan darat. Polis masih meniasat tempoh mereka menjalankan operasi dan masih mengesan saki baki ahli sindiket ini," katanya.

Menurutnya, tiga suspek direman sehingga hari ini dan tiga lagi sehingga 13 Julai ini.

Tambahnya, kesemua suspek yang tidak mempunyai pekerjaan tetap disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya dan Seksyen 15(1)(a) akta sama.